

20 NOV 1999

Pencalonan-Mahathir

HANYA DR MAHATHIR, SUBKY MENCALONKAN DIRI DI KUBANG PASU

ALOR SETAR, 20 Nov (Bernama) -- Hanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Subky Latif daripada PAS yang mengemukakan borang pencalonan untuk bertanding bagi kerusi Parlimen Kubang Pasu apabila tempoh penamaan calon di ditutup pada 11 pagi ini.

Pengumuman calon-calon yang disahkan bertanding akan dibuat oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya Kubang Pasu, Datuk Ahmad Farouk Che Ibrahim, yang juga Pegawai Daerah Kubang Pasu, selepas tamat tempoh bantahan pada 12.30 tengah hari di pusat penamaan calon di Pejabat Daerah Kubang Pasu.

Pencalonan Dr Mahathir dicadangkan oleh Tan Sri Osman Aroff, bekas Menteri Besar Kedah dan bekas ADUN Jitra yang juga Timbalan Pengerusi Umno Kubang Pasu, dan disokong oleh Lim Lye Huat,

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) menggunakan alamat Pondok Maharizan, 06550 Titi Gajah manakala Subky menggunakan alamat 231, Jalan Batu Geliga, Taman Melewar, Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur.

Pencalonan Subky dicadangkan oleh Yusoff Abdullah dan disokong Mohd Akhir Daud.

-- BERNAMA

TEAM MFJ NMO